

**Pemberian Subsidi Padi Akan Dikaji Semula, Kata Noh
Bernama
12 Februari , 2012**

JASIN, 12 Feb (Bernama) -- Kerajaan akan mengkaji semula dasar pemberian subsidi padi RM248.10 satu tan kepada petani di kawasan dan di luar kawasan jelapang padi agar kedua-dua pihak sama-sama mendapat manfaat, kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar.

Beliau berkata terdapat kekurangan atau berat sebelah dalam dasar tersebut dari segi pembayaran subsidi terutama kepada petani di luar kawasan jelapang padi.

"Pada masa ini, petani di kawasan jelapang mendapat subsidi mengikut keluasan sawah yang diusahakan di mana mereka dibayar RM248.10 setiap tan padi dihasilkan berbanding petani di luar kawasan hanya dibayar tidak melebihi 2.4 hektar keluasan sawah untuk setiap tan padi yang dihasilkan.

"Saya akan mengetengahkan perkara ini untuk dikaji semula supaya memberi keadilan kepada kedua-dua pihak kerana petani sepatutnya dibayar subsidi secara telus tanpa perbezaan sama ada mereka di kawasan jelapang atau di luar kawasan," katanya kepada pemberita selepas lawatan ke projek pertanian di kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Rambai, di sini.

Noh berkata kementeriaannya sedang giat meningkatkan penghasilan padi beras wangi sekurang-kurangnya di atas sawah berkeluasan 40 hektar di luar kawasan jelapang pada tahun ini.

Penghasilan di bawah projek permulaan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) kementerian itu menumpukan kepada dua jenis padi iaitu 'basmati' dan 'jasmine'.

Menurutnya, pada tahun ini projek tersebut bermula di Maran, Pahang, di atas sawah seluas 20 hektar dan kementeriaannya bercadang menjalankan projek tersebut di keluasan 20 hektar sawah lagi di Jasin, Melaka.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645155>